

**Najib Harap Lebih Ramai Rakyat Malaysia Berjaya Dalam Sukan Permotoran  
Bernama  
Oct 24, 2014**

SEPANG, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap atlet sukan bermotor Malaysia akan mencapai lebih banyak kejayaan di pentas dunia.

Beliau berkata sejak litar antarabangsa Sepang (SIC) dibuka 15 tahun lalu, pelumba tempatan telah membuatkan rakyat Malaysia bangga dengan prestasi mereka.

"Tahun ini, enam pelumba kita akan beraksi. Saya doakan yang terbaik buat mereka," katanya dalam buku program SIC sempena Grand Prix Motosikal Malaysia (MotoGP) 2014.

MotoGP diadakan mulai 24 hingga 26 Okt di SIC dan dijangka menarik 100,000 penonton.

Najib berkata sukan telah lama menjadi faktor penyatuan dalam masyarakat Malaysia dan beliau memuji setiap orang yang bekerja keras bagi membolehkan ahli sukan Malaysia mencapai kejayaan.

"Mereka telah memberikan rakyat Malaysia satu lagi sebab untuk berasa megah dan berharap atlet sukan bermotor mencapai lebih banyak kejayaan di pentas dunia.

MotoGP yang diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, merupakan satu daripada acara menarik dalam kalendar nasional.

"Saya berharap semua tetamu kita dari jauh dan dekat akan menikmati layanan hebat kita," kata Najib.

Perdana menteri turut mengucapkan tahniah kepada pasukan di SIC dan semua rakan mereka kerana sekali lagi berjaya menganjurkan MotoGP Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1079356>